

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

SAU313 - Undang-Undang Pekerjaan

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Bahagian A (100 markah)

Soalan **WAJIB** Jawab setiap seksyen

1. (a) Bincangkan secara ringkas tentang setiap akta-akta dan undang-undang utama yang meliputi pekerjaan (contoh: Akta Kerja 1955, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja dan lain-lain).
(b) Apakah pindaan-pindaan yang perlu dibuat untuk memperkuatkan Akta Kerja 1955?
(c) Adakah Malaysia perlu memperkenalkan gaji minima?

Bahagian B (100 markah)

Pilih dan jawab **SATU** (1) soalan sahaja. Jawab setiap seksyen.

2. (a) Beri definisi Gangguan Seksual (Sexual Harassment) danuraikan jenis-jenis Gangguan Seksual.
(b) Anda adalah seorang Penolong Pengurus Sumber Manusia dan seorang pekerja wanita (kerani) membuat laporan bahawa beliau menjadi mangsa gangguan seksual. Dalam kes ini orang yang mengganggu beliau ialah seorang pegawai yang memegang jawatan yang lebih tinggi daripada anda. Bagaimanakah anda akan bertindak? Bincangkan.
(c) Adakah Malaysia "sedia" untuk memperkenalkan Akta Gangguan Seksual?

...2/-

3.
 - (a) Apakah PERKESO (SOCSO) dan fungsinya? Jelaskan.
 - (b) Apakah kelemahan dan kekuatan PERKESO? Huraikan.
 - (c) Anda baru dilantik sebagai Penolong Pengurus Sumber Manusia di sebuah kilang besi yang apakah lebih kurang 250 pekerja. Kilang ini ialah milikan keluarga (*family-owned*). Ibupejabat PERKESO menghantar surat amaran kepada kilang anda sebab terdapat beberapa kes yang disyaki kes penipuan. Bincangkan bagaimana anda boleh menangani masalah penipuan tuntutan di kilang anda.

Bahaiian C (100 markah)

Soalan 4 **WAJIB** dijawab.

4. Berikan penjelasan ringkas untuk 5 daripada 7 istilah berikut:

- | | |
|--|-------------|
| (a) Hari Rehat (Akta Kerja 1955) | [20 markah] |
| (b) Hari Kelepasan (Akta Kerja 1955) | [20 markah] |
| (c) Kontrak Perkhidmatan (Akta Kerja 1955) | [20 markah] |
| (d) Objektif Kesatuan Pekerja | [20 markah] |
| (e) Fungsi KWSP (EPF) | [20 markah] |
| (f) Bersalin (Akta Kerja 1955) | [20 markah] |
| (g) Pekerja Separuh Masa (Akta Kerja 1955) | [20 markah] |